

ABSTRAK

KOMPETENSI GRADUAN DIPLOMA PENGURUSAN KOPERASI (DPK) MAKTAB KOPERASI MALAYSIA (MKM): SATU ANALISIS JURANG

Oleh

**ARFIZAWATI ABD HADI, NURUL AINI MUHAMMAD,
HAJAR AZWIN HJ ASHI**

Disember 2015

Maktab Koperasi Malaysia

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti jurang Kompetensi Graduan Diploma Pengurusan Koperasi Maktab Koperasi Malaysia dalam kebolehpasaran kerja dengan melihat kepada prestasi jangkaan dengan prestasi sebenar graduan oleh majikan. Secara khususnya, kajian ini melihat tahap kemahiran interpersonal, keterampilan perniagaan dan intelektual dalam sembilan elemen iaitu kemahiran teknikal, kemahiran kepimpinan, kemahiran kerja pasukan, kemahiran perancangan kerja, kemahiran komunikasi, kemahiran penguasaan bahasa, kemahiran kreativiti dan inovasi, keterampilan perniagaan dan intelektual. Seramai 80 orang responden telah terlibat untuk menjawab soal selidik ini yang terdiri daripada graduan Diploma Pengurusan Koperasi (DPK) Maktab Koperasi Malaysia (MKM) yang tamat pengajian pada tahun 2011, 2012 dan 2013. Data yang dikumpulkan telah dianalisis secara diskriptif iaitu kekerapan, peratus dan nilai min skor serta analisis jurang. Hasil dapatan menunjukkan, terdapat jurang kompetensi dalam prestasi jangkaan dan prestasi sebenar graduan. Beberapa cadangan telah dikemukakan untuk mempertingkatkan kompetensi dalam kalangan graduan DPK MKM.

Kata kunci: Kompetensi, Analisis Jurang, Graduan DPK MKM, Kemahiran